



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: 'Sarjan Chew' kebas RM130,000
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 20 August 2019

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 12

12

setempat

20-08-2019

"Selepas semua wang simpanan dipindahkan, suspek berjanji memulangkannya dalam tempoh tiga hari siasatan tetapi selepas tempoh berkenaan, suspek gagal dihubungi"

Annuar Amri Abd Muluf

HARIAN METRO

'Sarjan Chew' kebas **RM130,000**

Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

■ Penolong pengurus kilang berputih mata diperdaya sindiket Macau Scam

Alor Setar

Seorang penolong pengurus kilang besi di Kulim kerugian hampir RM130,000 selepas diperdaya 'Sarjan Chew' menerusi sindiket penipuan melalui panggilan telefon (Macau Scam).

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kedah, Superintendan Annuar Amri Abd Muluf berkata, mangsa

seorang wanita berusia 40 tahun itu membuat laporan polis, kelmarin selepas menyedari dirinya ditipu.

Katanya, mangsa sebelum itu menerima panggilan telefon daripada lelaki yang menyatakan mangsa bakal ditahan selepas terbabit kes pengubahan wang haram.

"Suspek memperkenalkan diri sebagai polis menggunakan nama Sarjan Chew. Selepas mengugut untuk menahan mangsa, suspek menawarkan diri membantu

menyelesaikan kes itu.

"Namun mangsa perlu menyenaraikan akaun bank dimiliki dan memindahkan semua wang ke dalam akaun bank diberikan suspek.

"Mangsa juga diugut supaya tidak memberitahu perkara itu kepada pihak lain jika tidak mahu diambil tindakan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Annuar Amri berkata, mangsa panik dan percaya kata-kata suspek dan patuh pada arahan itu.

Bermula dari 7 hingga 10 Ogos, mangsa

membuat lima kali transaksi memindahkan wang ke dalam dua akaun diberikan suspek.

Katanya, setiap transaksi masing-masing RM50,670,

RM3,520, RM3,700 dan RM6,600.



"Selepas semua wang simpanan mangsa dipindahkan, suspek berjanji memulangkannya dalam tempoh tiga hari siasatan tetapi selepas tempoh berkenaan, suspek gagal dihubungi.

"Mangsa terpedaya lalu membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ku-

lim, semalam (kelmarin)," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai tidak mudah terpedaya dengan panggilan telefon daripada individu yang mengaku sebagai polis atau mana-mana agensi penguat kuasa.

Katanya, pihak berkuasa tidak menjalankan siasatan melalui panggilan telefon atau meminta orang ramai memindahkan wang ke dalam mana-mana akaun bank.